



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI SARAWAK**

Tingkat 6, Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Hj. Bujang  
Jalan Simpang Tiga  
93594 KUCHING, SARAWAK  
MALAYSIA

Tel : 6082-524524  
Faks : 6082-524599  
Laman Web : [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)

Ruj. Kami : JANKCH/01/1007/13 Jld. 4 (73)

Tarikh : 15 Mei 2020

**Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Yang Terlibat Dengan Penyusunan Semula Kementerian  
Tahun 2020**

Tuan/Puan,

**PENGUNAAN KOD AKAUN PENYELESAIAN DEPOSIT BAGI TUJUAN BAYARAN BALIK  
DEPOSIT**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2020 adalah berkaitan.

2. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, data subsidiari akaun deposit bagi PTJ penyerah tugas belum dipindahkan ke PTJ penerima tugas. Proses migrasi ini dijangka akan selesai selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini. Sehubungan itu, Akaun Penyelesaian Deposit bagi PTJ yang terlibat dengan penyusunan semula kementerian tahun 2020 digunakan bagi tujuan bayaran balik deposit adalah seperti berikut:

- i. **A2991104 Deposit WJP**
- ii. **A2991106 Deposit EFT Terbatal**
- iii. **A2991107 Deposit Cek Terbatal**
- iv. **A2991108 Lain-lain Deposit**

3. Adalah diingatkan Akaun penyelesaian ini **hendaklah dilaraskan ke akaun deposit yang sebenar apabila data subsidiari berkaitan telah tersedia di PTJ penerima dengan segera sebelum penutupan akaun akhir tahun 2020**. Semua PTJ adalah dipohon untuk mendapatkan kelulusan daripada Pejabat Perakaunan (JANM Negeri Sarawak) dahulu sebelum menggunakan Kod Akaun Penyelesaian Deposit tersebut. Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi”**

Saya yang menjalankan amanah,

*Saiful Nizam*

**(MOHAMAD SAIFUL NIZAM KHAN B. ABDUL SATTAR C.A.(M), C.P.A.(M))**

Penolong Pengarah Kanan  
Unit Akaun, Seksyen Operasi  
b.p. Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Sarawak